

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 4 (10)

Tarikh : **30** September 2021

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 12/2021

**BILANGAN SESI PENGAMBILAN PELAJAR DALAM SATU TAHUN PENGAJIAN
BAGI PROGRAM PASCASISWAZAH DENGAN STRUKTUR MODULAR**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana tuan/puan sedia maklum, dasar semasa berkaitan sistem semester menyatakan bahawa bilangan maksimum semester bagi satu tahun pengajian adalah tiga semester dan sesi pengambilan pelajar adalah berdasarkan kepada bilangan semester yang ditawarkan dalam satu tahun pengajian. Dalam perkara ini, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) diberi fleksibiliti untuk membangunkan struktur program berdasarkan sistem 2 ½ semester atau trimester bagi satu tahun pengajian.

3. Selain sistem semester sedia ada, terdapat PPT yang menawarkan program pada peringkat Sarjana Tahap 7 Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) dengan struktur modular kerana penawaran sedemikian adalah lebih menarik, berdaya saing dan dapat membantu pelajar mengikuti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih fokus dan berkesan.

4. Sebagai salah satu inisiatif dalam membantu PPT untuk meningkatkan enrolmen pelajar terutamanya pelajar antarabangsa, PPT diberi fleksibiliti untuk menawarkan program **Sarjana Tahap 7 MQF** dan **Kedoktoran Tahap 8 MQF** secara kerja kursus atau mod campuran dengan struktur modular dan melaksanakan pengambilan pelajar berdasarkan bilangan blok dalam satu tahun pengajian tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i) Maksimum lima blok dalam satu tahun pengajian;
- ii) Maksimum 43 minggu dalam satu tahun pengajian;

- iii) Maksimum 50 kredit beban pembelajaran pelajar dalam satu tahun pengajian; dan
- iv) Pengambilan pelajar perlu dirancang dengan teratur dan dibuat sebelum sesi pengajian bagi blok tertentu dimulakan.

5. PPT yang berhasrat untuk menukar pelaksanaan semasa kepada struktur modular perlu mengemukakan pemakluman bertulis kepada MQA dengan disertakan maklumat struktur modular tersebut bagi tujuan rekod dan rujukan MQA semasa penilaian akreditasi penuh dan audit pematuhan.

6. PPT dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya agar pelaksanaan dan urusan penilaian akreditasi bagi program dengan struktur modular dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK
8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 9, Canseleri
Universiti Malaya
50603 W.P. KUALA LUMPUR
9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 KUALA LUMPUR
10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Penyelidikan)
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
Putrajaya Campus
Jalan IKRAM-UNITEN
43000 KAJANG, SELANGOR
11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR
14. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH
15. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK